

PM: Nilai ilmu teknologi maklumat cukup tinggi

UM - 9 MAR 2000

KUALA LUMPUR 8 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa ini mereka yang berpengetahuan dalam bidang teknologi maklumat mempunyai nilai yang amat tinggi.

“Sesiapa yang mempunyai banyak pengetahuan dibayar oleh mereka yang mempunyai wang dengan harga yang tinggi,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sesi perbincangan yang dikendalikan oleh Pengerusi Iris Technologies, Tan Sri Razali Ismail sempena majlis perasmian Persidangan Pengetahuan Global Kedua di sini hari ini

Persidangan yang bermula semalam dan berakhir Sabtu ini dihadiri kira-kira 1,300 peserta daripada 120 negara.

Dr. Mahathir menambah, mereka yang mempunyai wang tidak teragak-agak untuk membayar individu yang berpengetahuan bagi mendapatkan khidmat mereka.

Ini kerana, kata beliau, dunia dan masyarakat sekarang sentiasa bergerak di mana pengetahuan menjadi sesuatu yang amat penting.

Sehubungan itu, jelas Dr. Mahathir, cara tertentu mestilah dikenal pasti supaya masyarakat boleh mendapat manfaat daripada pelbagai pengetahuan yang terdapat dalam bidang teknologi maklumat ini.

Menurut beliau lagi, terdapat perbezaan yang ketara di antara mereka yang kaya pengetahuan dan miskin pengetahuan.

Syarikat-syarikat korporat juga, jelas beliau, berminat untuk mengam- bil mereka yang kaya pe-

ngetahuan bekerja dengan imbuhan gaji yang lumayan.

Sementara itu, mengenai bagaimana teknologi maklumat boleh memanfaatkan negara miskin, Dr. Mahathir berkata, ia banyak bergantung kepa-

da cara kerajaan sesebuah negara itu memainkan peranan mereka.

Katanya, sesebuah kerajaan tidak boleh dipengaruhi oleh tekanan ke- adaan pasaran.

“Sesebuah kerajaan tidak boleh membenarkan

monopoli mahupun oligopoli memainkan peranan,” katanya.

Ini kerana, menurut Dr. Mahathir, jika wujud syarikat monopoli atau oligopoli, ia akan menyukarkan mereka yang miskin mendapat wang.